



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59
Bil. 24

23hb November 2006

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 1635.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nurul Azni bt Yahaya, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam pada hari Selasa 5 Disember 2006 jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan, Pejabat Tanah, Kuala Kangsar; dan
 - (b) bahawa rizab bagi maksud jualan itu ialah RM300,000.00 (Ringgit: Tiga Ratus Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM1,027,184.35.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM30,000.00 (Ringgit: Tiga Puluh Ribu sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub perenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan dalam sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kota Lama Kiri. No. Lot—7045. Jenis dan No. Hakmilik—GM 2165. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—Pers. No. 504/1998 Jilid: 60 Folio: 54.

Bertarikh 31 Oktober 2006

[PTKK/T/LA/KLI/9/05]

NURUL AZNI BINTI YAHAYA
Pentadbir Tanah
Kuala Kangsar

Hakcipta Pencetak(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA